



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN KAD PINTAR E-MUNISASI

TARIKH / MASA / TEMPAT
13 APRIL 2022 (RABU)
2.00 PETANG

DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Pelancaran Kad Pintar E-Munisasi.

Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis MBSP, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada petang ini. Saya juga rakamkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan selaku penganjur majlis kita pada petang ini.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Penyakit *typhoid* atau lebih dikenali sebagai **demam kepialu** di kalangan rakyat Malaysia adalah satu penyakit berjangkit yang disebabkan oleh sejenis bakteria yang dikenali sebagai '*Salmonella typhi*' yang boleh

membawa maut. Bakteria ini biasanya disebarkan oleh mereka yang dijangkiti atau mereka yang telah sembuh dari gejala tetapi masih mempunyai bakteria di dalam tubuh dipanggil *carrier* atau pembawa. Pesakit demam kepialu atau pembawa bakteria *Salmonella typhi* ini memindahkan bakteria tersebut kepada individu sihat yang lain melalui beberapa cara, iaitu:-

1. Najis pesakit demam kepialu mengandungi jumlah bakteria *Salmonella typhi* yang tinggi. Fasiliti sanitasi yang kurang baik boleh menyebabkan pencemaran sumber air dengan bakteria ini.
2. Sumber air yang tercemar apabila digunakan bagi penyediaan makanan atau sebagai sumber air minuman menyebabkan bakteria ini disebarkan kepada orang lain dengan mudah.
3. Tabiat tidak mencuci tangan selepas ke tandas juga memudahkan bakteria ini dipindahkan ke tempat atau pada orang lain. Pengendali makanan terutamanya amat mudah memindahkan bakteria ini ke dalam makanan semasa proses penyediaan sekaligus menjangkiti mereka yang makan atau minum makanan dan minuman yang disediakan.

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan telah menggariskan langkah-langkah pencegahan yang perlu dilaksanakan oleh pengendali makanan agar demam kepialu

tidak merebak dalam negara. Di antara langkah-langkah pencegahan yang perlu dilaksanakan oleh pengendali makanan adalah:-

- i. mendapatkan suntikan *typhoid*;
- ii. menghadiri kursus pengendalian makanan;
- iii. memastikan premis makanan atau tempat memproses makanan dan minuman sentiasa dalam keadaan bersih, dan menepati prosedur atau protokol keselamatan makanan yang ditetapkan.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Seperti yang saya nyatakan tadi, vaksinasi atau suntikan *typhoid* adalah cara yang paling berkesan untuk mencegah dan melindungi diri daripada penyakit *typhoid*. Terdapat dua **(2) jenis vaksin** yang digunapakai di seluruh dunia iaitu vaksin yang dinyah-aktifkan yang diberikan melalui suntikan dan vaksin hidup yang dilemahkan yang diberikan secara oral (melalui mulut). Namun begitu penggunaan vaksin suntikan lebih popular dan mudah didapati berbanding pil di Malaysia.

Memandangkan adalah mustahil untuk mengenalpasti pembawa bakteria penyakit demam kepialu, Kerajaan telah mewajibkan semua

pengendali makanan, sebelum memulakan tugas pengendalian makanan untuk mendapatkan suntikan vaksin. Semua pengendali makanan di Malaysia wajib untuk mendapatkan suntikan *typhoid* atau pil typhoid bagi mematuhi peruntukan dalam Akta Makanan 1983 dan Akta Kawalan Penyakit 1988.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP menguatkuasakan Seksyen 17 di bawah Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan MPSP 1991 yang selari dengan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 (Akta Makanan 1983).

Untuk makluman MBSP menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dan suntikan *Typhoid* kepada pengendali makanan di Seberang Perai. Pengendali makanan boleh mendapatkan perkhidmatan suntikan vaksin di tiga lokasi (3) iaitu Klinik Ibu Pejabat, Menara Bandaraya; Klinik Cawangan Bagan di Kampung Jawa, Butterworth dan Kaunter Cawangan Jawi. Pada masa yang sama, terdapat juga program berbentuk *outreach* dijalankan di lokasi terpilih setiap dua (2) atau tiga (3) kali sebulan.

Bagi pengendali makanan yang berlesen dengan MBSP, caj yang dikenakan ialah RM55.00 untuk warganegara dan RM85.00 untuk yang bukan warganegara. Manakala bagi pengendali makanan yang tidak berlesen, caj yang dikenakan adalah RM100.00 bagi warganegara dan yang bukan warganegara.

MBSP menggunakan Vaksin Typhim Vi yang merupakan produk pelalian keluaran Syarikat Sanofi Pasteur yang digunakan di serata dunia, khususnya negara-negara di mana penyakit *typhoid* atau demam kepialu adalah penyakit endemik. Vaksin ini adalah sejenis subunit vaksin di mana sebahagian kecil daripada patogen / kuman dipurifikasi, diformulasi, dipakejkan dan seterusnya disuntik ke dalam badan untuk menghasilkan respon antibodi secara aktif dalam jangkamasa panjang.

Pengendali makanan dikehendaki membawa bersama kad pengenalan, gambar dan lesen perniagaan (jika ada) semasa melakukan pemeriksaan kesihatan dan mendapatkan suntikan *Typhoid*. Satu buku kecil suntikan vaksin akan diberikan kepada pengendali makanan untuk disimpan dan di bawa ke Klinik setiap tiga (3) tahun untuk suntikan yang seterusnya.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Kad Pintar E-Munisasi Typhim Vi adalah hasil inovasi Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MBSP yang bertujuan untuk menggantikan sepenuhnya penggunaan buku suntikan tradisional bagi pengendali makanan di seluruh Seberang Perai. Peralihan daripada buku kepada kad pintar ini akan mengubah serta memudahkan penyimpanan, integrasi dan penyelarasan data.

Kad pintar ini bersaiz sepertimana saiz kad pengenalan dan mengandungi gambar, nama, nombor kad pengenalan, nombor *batch* vaksin dan tempoh sahlaku. Kad ini dilengkapi dengan Kod QR unik yang berfungsi untuk sambungan (*link*) terus kepada Sistem E-Munisasi bagi tujuan verifikasi.

Bagi suntikan kali pertama, kad pintar akan diperolehi secara automatik, tanpa kos tambahan sebaik sahaja pengendali makanan mendaftar dan mendapatkan khidmat suntikan Typhim Vi di klinik suntikan ibu pejabat atau klinik cawangan Kampung Jawa, Butterworth. Untuk suntikan setelah tamat tempoh sahlaku, pengendali makanan hanya perlu membawa kad pintar tersebut untuk pembaharuan. Mana-mana pengendali

makanan yang memiliki buku suntikan sedia ada boleh hadir ke klinik Ibu Pejabat MBSP Bandar Perda untuk menukar buku ke kad pintar dengan kadar RM5.00 sahaja.

Daripada sudut pengurusan oleh kakitangan, penggunaan kad pintar ini akan menyingkirkan keperluan menulis maklumat secara manual ke dalam buku yang bukan sahaja memakan masa dan perlu diulang pada setiap suntikan tetapi terdedah kepada kesilapan. Semua proses pengisian hanya dilakukan sekali sahaja menggunakan sistem.

Pengkalan data bagi semua pengendali makanan yang didaftarkan akan disimpan dalam Sistem E-Munisasi dan hanya boleh diakses oleh pentadbir sistem serta dilindungi selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya amat berharap Program Kad Pintar ini akan memberi manfaat dan memenuhi objektif yang digariskan. Peralihan daripada buku kepada kad pintar bagi suntikan Typhim Vi ini adalah strategi inovatif MBSP ke arah pendigitalan perkhidmatan kepada masyarakat yang memudahkan baik pengguna mahupun kakitangan khususnya dalam aspek pengendalian makanan.

Sekali lagi, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan selaku penganjur majlis dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini. Dengan kata-kata itu, saya dengan lafaz **Bismillahi Rahmanir Rahim**, merasmikan Pelancaran Kad Pintar E-Munisasi.

Sekian. Terima Kasih

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh